

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

TARIKH :

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberikan pelepasan cukai kepada pembelian setiap unit panel solar oleh individu sebagai inisiatif kepada rakyat di samping mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan elektrik dari janaan hidro dan bahan api serta menjimatkan kos bil elektrik bulanan disemua isi rumah yang menggunakannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk memberi pelepasan cukai kepada pembelian setiap unit panel solar oleh individu yang memasang sistem solar PV di kediaman sendiri. Mekanisme tarif galakan (*Feed-in Tariff – FiT*) yang dilaksanakan oleh Kementerian pada masa ini merupakan insentif yang paling berkesan dalam menarik minat individu untuk turut serta dalam aktiviti penjanaan tenaga elektrik menggunakan sistem solar PV. Mekanisme FiT membolehkan tenaga elektrik yang dihasilkan daripada sistem solar PV dijual kepada utiliti pada kadar premium selama 21 tahun. Kadar premium yang telah ditetapkan ini menjamin pulangan yang menguntungkan kepada individu yang terlibat dalam industri ini.
